



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Tugas – Tugas Menteri 1969

DR.08/1969

RANG UNDANG²*bernama*

Suatu Act bagi membuat peruntokan untok mengishtiarkan tugas² dan pemindahan tugas² Mentri, untok menetapkan nama jawatan Mentri, dan bagi maksud² yang berkenaan dan berhubung dengan-nya.

[]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut :

1. Act ini boleh-lah di-namakan Act Tugas² Mentri, 1969.

Tajok ringkas.

2. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh melalúi perintah dalam *Warta* memberitahu :

Tugas² dan nama jawatan Mentri.

(a) bahawa sa-saorang Mentri telah di-beri apa² tugas atau telah di-pertanggungkan dengan apa² tanggung-jawab mengenai sa-suatu jabatan atau perkara yang tertentu atau bahawa sa-suatu tugas atau tanggung-jawab yang tersebut itu telah di-pindahkan kepada sa-orang Mentri yang lain;

(b) bahawa suatu nama jawatan telah di-beri kepada sa-saorang Mentri (kechuali Perdana Mentri) atau bahawa nama jawatan yang di-beri itu telah di-ubah.

(2) Sa-suatu perintah yang di-buat oleh Yang di-Pertuan Agong di-bawah sekshen ini—

(a) boleh mengadakan peruntokan mengenai pemindahan apa² harta, hak atau tanggungan yang di-pegang, di-nikmati atau di-lakukan oleh mana² Mentri berhubung dengan apa² tugas yang di-beri atau di-pindah itu; dan

(b) boleh mengandongi apa² peruntokan lain yang perlu dan mustahak untok memberi kesan kepada perintah itu.

3. Jika sa-suatu perintah di-buat oleh Yang di-Pertuan Agong di-bawah sekshen 2 sa-suatu yang di-mulakan, atau di-buat sa-belum perintah itu mula berkuatkuasa oleh atau di-bawah kuasa Mentri yang tugas² dan tanggung-jawab-nya telah di-pindahkan atau yang nama jawatan-nya itu di-ubah boleh di-terus atau di-selesaikan oleh Mentri itu.

Natijah pemindahan tugas dan perubahan nama jawatan.

Rujukan
dalam
undang²
bertulis.

4. Apa² rujukan dalam sa-suatu undang² bertulis atau sa-suatu suratikatan, konterek atau pembicharaan di-sisi undang² terhadap sa-saorang Mentri mengikut nama jawatan-nya melainkan kandungan ayat-nya menghendaki ma'ana yang lain hendak-lah di-ertikan sa-bagai suatu rujukan terhadap Mentri yang pada masa itu di-beri tugas² atau di-pertanggunggonkan dengan tanggong-jawab tersebut atau terhadap Mentri yang pada masa itu di-beri nama jawatan tersebut.

Peman-
sokhan dan
kechualian.
15 tahun
1951.

5. Ordinance (Memindahkan Tugas) Mentri² Kerajaan Persekutuan, 1951 ada-lah dengan ini di-mansokhkan :

Dengan sharat bahawa perentah² yang di-buat di-bawah Ordinance itu atau mana² undang² bertulis yang lain berhubong dengan pemindahan tugas² sa-orang Mentri atau pegawai 'awam yang berkuatkuasa sa-belum sahaja Act ini mula berkuatkuasa hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah di-buat di-bawah Act ini dan hendak-lah terus berkuatkuasa, dan boleh di-pinda atau di-batalkan dengan sa-wajar-nya.

HURAIAN

Maksud Rang Undang² ini ia-lah untuk menyemak dan mengemas-kini undang² berhubong dengan tugas² Mentri yang pada masa ini terkandung dalam Ordinance (Memindahkan Tugas) Mentri² Kerajaan Persekutuan 1951. Ordinance 1951 itu pada asal-nya di-pakai terhadap Ahli² Majlis Kerajaan di-bawah Sistem Ahli Majlis sa-belum Merdeka.

2. Di-bawah Fasal 2 Rang Undang² ini Yang di-Pertuan Agong melalui perentah boleh menetapkan tugas² yang di-pertanggunggonkan ka-atas sa-saorang Mentri dan boleh juga menetapkan nama jawatan sa-saorang Mentri kechuali bagi Perdana Menteri yang nama jawatan-nya ada-lah di-tetapkan oleh Perlembagaan. Di-bawah Fasal itu juga Yang di-Pertuan Agong boleh juga mengishtiarkan pemindahan tugas² dan pengubahan nama jawatan itu.

3. Peruntukan Fasal 3 ia-lah suatu peruntukan kechualian mengenai natijah apa² pemindahan tugas dan pengubahan nama jawatan.

4. Fasal 4 berhubong dengan rujukan² yang terkandung dalam undang² bertulis tertentu.

5. Fasal 5 menentukan bahawa perentah² yang di-buat di-bawah Ordinance dan mana² undang² bertulis lain yang di-mansokhkan ada-lah terus berkuatkuasa sa-hingga di-pinda atau di-batalkan di-bawah undang² yang di-chadangkan itu.